

Media Title : Berita Harian  
Headline : RHB labur RM600,000 sokong unit bergerak IJN  
Date : 30 January 2026  
Section : Bisnes  
Page : 25



Dr Dzulkefly melancarkan Unit Bergerak Saringan Kesehatan Jantung di Kompleks RHB, Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

# RHB labur RM600,000 sokong unit bergerak IJN

**RHB Banking Group** melabur kira-kira RM600,000 bagi penyediaan sebuah kepala treler bagi menyokong pelaksanaan unit bergerak saringan kesihatan jantung Institut Jantung Negara (IJN).

Kemudahan itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 3,000 individu setahun di sekurang-kurangnya 12 lokasi luar bandar, separa bandar serta komuniti yang kurang mendapat akses perkhidmatan kesihatan.

Inisiatif kerjasama awam-swasta itu membabitkan penggunaan unit bergerak saringan kesihatan jantung IJN yang dinaik taraf dan dilengkapi kemudahan elektrokardiogram (ECG), eko-kardiogram (ECHO) serta

ruang triage trauma, sekali gus membolehkan saringan awal dilaksanakan di luar fasiliti hospital.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata pendekatan saringan awal dan pencegahan adalah selari dengan strategi Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menangani penyakit tidak berjangkit (NCD), khususnya penyakit kardiovaskular yang kekal antara punca utama kematian di negara ini.

“Statistik terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi 2024 menunjukkan penyakit jantung iskemia merekodkan 17,421 kematian dalam tempoh setahun, bersamaan kira-kira

13 peratus daripada keseluruhan kematian di Malaysia, sekali gus menjadikannya pembunuh nombor satu rakyat negara ini,” katanya ketika merasmikan pelancaran inisiatif itu di Bangi, semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif RHB, Datuk Mohd Rashid Mohamad, berkata pembabitan RHB dalam inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada strategi korporat jangka sederhana kumpulan, Progress 27, yang menekankan peranan bank sebagai institusi kewangan berteraskan tujuan dan tanggungjawab sosial.